

5



Berkenan Kurnia Hadiah Pemenang Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M

7



Sambutan Ilal Hijrah 1445



**BERITA UTAMA**

**BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG KE-77 TAHUN >> 3**

**مسلمين**  
**MUSLIMIN**

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



**JULAI**  
**2023M**

Zulhijjah 1444H - Muharram 1445H  
Tahun 35 • Bil 7

Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah

16

**INFO PENGISLAMAMAN**

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan  
**Julai**



- 8 Keprihatinan Raja Dalam Pendidikan Ugama 13
- 9 Perasmian Jabatan Urusan Zakat, Waqaf Dan Baitulmal, KHEU 14
- 10-11 Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Selamat Tiba di Tanah Air 15
- 12 18 Anak Damit Lahir Sempena Sambutan Ilal Hijrah 1445 Diraikan 20
- Majlis Ibadah Korban KHEU
- Majlis Ibadah Korban Sunat Kali Ke-10
- Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-65 Sempena Sambutan Awal Tahun Muharram Tahun 1445H/2023M
- Pengukuhan Maqashid Syari'ah Penting Dalam Urusan Kehidupan dan Bernegara

# رَبَّنَا Ya Tuhan Kami

Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

## DOA AGAR DIPERMUDAHKAN SEGALA URUSAN

... رَبَّنَا إِنَّا أَمِنُكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا

### MAFHUMNYA:

...Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami rahmat dari sisi-Mu dan sempurnakan bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami.

Surah al-Kahfi, ayat 10

## Anggota Redaksi



**PENASIHAT:** Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran]* • **PENYELARAS:** Qairunnisa binti Haji Jalil • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafuuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan

## Lidah Pengarang

## MENSYUKURI KASIH RAJA KEPADA RAKYAT

Bulan Julai adalah merupakan bulan ulang tahun keputeraan Raja kesayangan rakyat iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sepertimana kelaziman setiap tahun, ulangtahun baginda disambut dalam suasana keraian dan kesyukuran.

Hampir semua aspek kehidupan bernegara dan berbangsa di Negara Brunei Darussalam ini tidak ada yang terlepas dari keprihatinan dan pemeliharaan baginda. Pelbagai usaha dalam mengukuhkan Islam di negara ini telah dilaksanakan oleh baginda dalam pengurusan mahupun pentadbiran negara, undang-undang, pendidikan dan sebagainya.

Kasih baginda kepada rakyat itu dimanifestasikan melalui komitmen baginda untuk menjadikan negara ini kekal sebagai sebuah negara *Baldatun Thaiyibatun Warabbun Ghafur* yang berpaksikan pada ajaran agama Islam yang suci. Dengan kepimpinan baginda, kemajuan dan pembangunan negara dalam semua aspek yang meliputi ekonomi, pendidikan, infrastruktur, perumahan, kemasyarakatan, kesihatan, kesejahteraan telah dapat dikecapi oleh seluruh lapisan masyarakat. Inilah antara ni'mat besar yang kita nikmati di bumi Darussalam ini. Bukti betapa baginda sangat mengasihi rakyat baginda ialah baginda bukan sahaja mahukan rakyat berjaya dalam kehidupan di dunia malahan juga di akhirat kelak.

Semoga Raja yang kita sayangi dilanjutkan usia, kekal qarar memerintah, adil berdaulat memimpin rakyat kekal bahagia dengan petunjuk Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

## BERANGKAT KE MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA YANG KE-77 TAHUN

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat sama dengan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ke Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Ke-77 Tahun, 1444H/2023M.

KIARONG, Jumaat, 25 Zulhijjah bersamaan 14 Julai - KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda ke-77 Tahun. Majlis berkenaan juga diselenggarakan dengan Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yasin, Tahlil dan Doa Kesyukuran serta diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah. Majlis berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun; dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Sembahyang Fardhu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Manakala Bacaan Surah Yasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin ms. 4

«3 Khatib Dato Paduka Haji ms. Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Sementara Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar. Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Isya' berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Selain tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, tumpuan bagi acara keagamaan itu juga diadakan di masjid-masjid utama seluruh negara iaitu di Daerah Brunei Muara diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampong Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong;

Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala Daerah Belait di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perpindahan Negara Kampong Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Daerah Tutong pula di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala, dilanjutkan usia, sihat walafiat, dan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal qarar memerintah di atas takhta Singgahsana Kerajaan dan memimpin negara. ■



SELURUH rakyat mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta Kerabat Diraja akan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu wa Ta'ala, dilanjutkan usia dan sihat walafiat.

## BERKENAN KURNIA HADIAH PEMENANG MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN TAHUN 1444H/2023M

Oleh : Mohamad Zeliha Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**BERAKAS, Khamis, 17 Zulhijjah bersamaan 6 Julai** – KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M. Majlis berlangsung di Dewan Plenary Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, dengan membawa tema "Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian Dengan Petunjuk Al-Qur'an."

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut

dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1444H/2023M Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis berkenaan terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan oleh Qari Jemputan daripada Malaysia, Yang Mulia Ahmad Azfar bin Azraie, Tokoh Anugerah Khas Murid Kafa Madani Peringkat Kebangsaan dan Johan Tilawah Peringkat Antarabangsa Mazamir Dawud bawah 15 Tahun Algeria 2022.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1444H/2023 Masihi.

Seterusnya pengumuman keputusan musabaqah yang disembahkan oleh Yang Mulia Awang Haji ms.6



PENGERUSI Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya.

«5 ms. Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah selaku Pengerusi Jemaah Hakim. Majlis diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Johan Qari dan Johan Qariah Musabaqah.

Johan Qari Musabaqah disandang oleh Yang Mulia Pengiran Muhammad Amirul Aiman Bin Pengiran Haji Marjuki dengan mencatatkan markah 91.74% dan Johan Qariah pula disandang oleh Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah Binti Pengiran Haji Jofri dengan mencatatkan markah 92.76%.

Sementara Naib Johan Qari ialah Yang Mulia Awangku Adi Nazri Bin Pengiran Haji Jofri dengan markah 90.02% dan tempat ketiga dimenangi oleh Yang Mulia Awang Awang Haji Nasrul Fakhri Bin Haji Yahya dengan mendapat markah 89.37%.

Manakala, Naib Johan Qariah diraih oleh Yang Mulia Dayang Dr. Hajah Siti Wardah Binti Mejar (B) Haji Abd Rahman dengan markah 88.65% sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Yang Mulia Dayangku Siti Ummi Syazana Binti Pengiran Haji Marjuki dengan markah 86.54%.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah dan cenderamata kepada Johan Qari dan Johan Qariah serta peserta-peserta, hakim-hakim Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M.

Johan musabaqah membawa pulang wang tunai BND7,000 berserta piala pusingan; hadiah iringan; sijil penyertaan dan pakej menunaikan fardhu haji bagi johan kali pertama serta Akaun Tekad Haji sebanyak BND2,000 sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.



**JOHAN Qari iaitu Pengiran Muhammad Amirul Aiman Bin Pengiran Haji Marjuki membawakan Tarannum Wajib, Soba dan Jaharkah mengutip markah 91.74%.**



**Johan Qariah iaitu Yang Mulia Dayangku Fauziah Nadhirah Binti Pengiran Haji Jofri yang membawakan Tarannum Wajib, Hijaz dan Rast dan memperoleh markah tertinggi sebanyak 92.76 %.**

Bhd. serta sebidang kain tenunan Brunei sumbangan dari Syarikat Little Ummi.

Manakala Naib Johan menerima wang tunai BND5,000 berserta hadiah iringan; sijil penyertaan; Akaun Tekad Haji berjumlah BND1,500 sumbangan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Sementara tempat ketiga pula menerima wang tunai BND3,000; hadiah iringan, sijil penyertaan; Akaun Tekad Haji berjumlah BND1,000 sumbangan Perbadanan Tabung

Amanah Islam Brunei (TAIB); Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Bagi memohon keberkatan majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sempat menerima junjung ziarah serta beramah-mesra bersama para pemenang musabaqah dan ahli keluarga masing-masing. ■

## SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1445

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



**TURUT berangkat sama adalah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.**

**KIARONG, Selasa, 1 Muharram bersamaan 18 Julai** – KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sambutan Ilal Hijrah 1445. Majlis berkenaan berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ilal Hijrah 1445; Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang

Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamyar bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Bacaan Doa Akhir Tahun 1444 Hijrah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Selesai Doa Akhir Tahun dibacakan, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Setelah azan Maghrib berkumandang, Sembahyang Fardhu Maghrib berjemaah dan seterusnya membaca Doa Awal Tahun 1445 Hijrah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus itu, Sembahyang Sunat Hajat berjemaah juga diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Bagi memohon berkat dan rahmat di majlis yang berkebahjikan ini, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Tema Sambutan Ilal Hijrah 1445 ialah "Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera." ■

## KEPRIHATINAN RAJA DALAM PENDIDIKAN UGAMA

Oleh : Dahlan Chuchu



**KEBERANGKATAN** baginda mencerminkan keprihatinan baginda tentang hal kebajikan rakyat dan institusi pendidikan ugama di negara ini.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani plak sekolah bertempat di ruang legar sekolah berkenaan.

**RIMBA, Sabtu, 12 Zuhijah bersamaan 1 Julai** -

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat ke Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Rimba. Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Pengetua sekolah berkenaan, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor. Keberangkatan baginda ke salah sebuah institusi pendidikan jelas mencerminkan bahawa baginda sangat prihatin tentang hal kebajikan rakyat di negara ini dan mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil perhatian dan memastikan negara berada dalam suasana aman, damai dan sejahtera serta menikmati kemajuan dan pembangunan pesat dalam bidang fizikal serta kerohanian.

Keberangkatan tiba baginda di ruang legar sekolah tersebut, dialu-alukan dengan pukulan hadrah oleh seramai

20 pelajar sekolah berkenaan dan baginda berkenan menyaksikan Persembahan Tarhib daripada 11 pelajar Tahun 6 yang berpakaian 'Awang Budiman'. Di ruang yang sama, baginda dijunjung bagi menandatangani plak sekolah dengan disusuli dengan persembahan bacaan selawat dari pelajar Tahun 6 yang diketuai oleh diketuai oleh Awang Md. Ihtifazuddin bin Suhaili, pelajar Tahun 9 yang kemudian memimpin bacaan Doa Peliharakan Sultan.

Baginda seterusnya disembahkenalkan oleh Pasukan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Kadet Polis Pasukan Polis Diraja Bunei dan Pasukan Pengakap sekolah tersebut.

Baginda seterusnya memulakan lawatan ke perpustakaan dan menyaksikan sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. Sebelum beredar baginda juga berkenan melawat Pameran Alat Bantu Pelajar. Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama tenaga pengajar, penuntut-penuntut dan warga sekolah berkenaan di sepanjang koridor di ruang legar sekolah.

Lawatan tersebut merupakan sebahagian daripada atur cara lawatan kerja baginda sempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara di Bawah Skim Penggeranan Tanah Lesen Tumpang Sementara bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong dan Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah Teres dan Unit Pangsapuri serta Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM.

Sekolah ini mula diguna pakai pada Januari 2020 yang mempunyai seramai 1,747 orang penuntut lelaki yang menjalani pengajian dari Tahun 5 hingga Tahun 11. Seramai 217 tenaga pengajar dan juga 23 kakitangan bertugas di sekolah tersebut.

Visi Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah melahirkan generasi yang berwawasan, berpendidikan dan berakhlak mulia. Sementara misi sekolah tersebut, memberikan pendidikan duniawi dan ukhrawi yang berkualiti untuk mendukung kemajuan negara dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035. ■

## PERASMIAN JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL, KHEU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin

**BERAKAS, Rabu, 1 Muharram bersamaan 19 Julai** - PADA menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sukacita Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) memaklumkan bahawa Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam adalah dinaiktaraf menjadi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan ditempatkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sehubungan dengan itu satu Majlis Perasmian Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal telah diadakan di ruang legar Bangunan Asal KHEU.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam. Hadir sama ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syariah, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka



**BAHAGIAN** Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam adalah dinaiktaraf menjadi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dan ditempatkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam, Ahli-ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat, Setiausaha Tetap dan Ketua-ketua Jabatan di KHEU

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan lafaz perasmian serta upacara membuka tirai plak perasmian yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis sebagai tanda ingatan detik perasmian Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Sejurus selepas upacara perasmian, Yang Berhormat Pehin telah dibawa

meninjau ke kawasan pejabat Jabatan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang baru diubahsuai dengan tumpuan utama tinjauan adalah ke ruangan legar Kaunter-kaunter Perkhidmatan, Kaunter Kutipan Zakat dan juga Kaunter Layan Diri di aras bawah pejabat jabatan berkenaan.

Seterusnya, acara diikuti dengan penyerahan sumbangan peralatan komputer dari Syarikat Imagine Sendirian Berhad berupa dua unit komputer (desktop), satu unit mesin pengimbas (scanner) untuk ditempatkan di Kaunter Layan Diri, dan juga tiga unit tablet bagi kegunaan petugas zakat.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan peralatan adalah Yang Mulia Tuan Allen On, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine Sendirian Berhad. Adapun objektif sumbangan berupa peralatan komputer dari Imagine Sendirian Berhad tersebut adalah sebagai inisiatif syarikat berkenaan menyokong urus tadbir dan proses kerja siasatan dan pengagihan zakat di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Sistem Kebajikan Negara, agar ianya dapat bergerak dengan lebih efisien dan dinamik. ■



**YANG** Berhormat Pehin dibawa meninjau ke kawasan pejabat Jabatan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, antara tumpuan utama adalah ruangan legar Kaunter-kaunter Perkhidmatan.

## JEMAAH HAJI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SELAMAT TIBA DI TANAH AIR

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan antara yang hadir mengalu-alukan kedatangan jemaah haji penerbangan pertama Negara Brunei Darussalam.**

**BERAKAS, Rabu, 16 Zulhijjah bersamaan 5 Julai** - JEMAAH haji Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi penerbangan pertama selamat mendarat pada jam 8.51 pagi.

Ketibaan seramai 252 orang jemaah haji di Balai Ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin.

Turut hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam,

Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar serta Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, dan isteri.

Juga mengalu-alukan kedatangan jemaah haji negara ialah pengarah-pengarah



**TURUT hadir adalah isteri Menteri-menteri.**

dan para pegawai kanan KHEU serta pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Pakej Haji.

Kepulangan seramai 252 jemaah haji termasuk Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD (Pentadbiran dan Perubatan), Pegawai Syarikat Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB), Pegawai Syarikat Straits Central Agencies (B) Sdn.Bhd, Pegawai Syarikat Al-Hijrah Travel and Tours Sdn.Bhd, Pegawai Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd, dan Syarikat Titian Travel and Tours Sdn.Bhd.

Manakala penerbangan kedua jemaah haji NBD selamat mendarat pada Khamis, 17 Zulhijjah bersamaan 6 Julai, jam 8.23 pagi.

Ketibaan 250 jemaah haji di Balai Ketibaan LTAB dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)



**TURUT menyambut kedatangan jemaah haji penerbangan ketiga juga adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU dan Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji.**

dan Datin; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Awang Haji Muhamad Fakhri bin Haji Mohd Taib; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; dan Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan KHEU serta Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Pakej Haji. Ketibaan para jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD Perubatan, Pegawai Syarikat Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) dan Pegawai Syarikat At-Taqwa Travel Tours Sdn. Bhd.

Seramai 252 jemaah haji NBD bagi penerbangan ketiga selamat mendarat pada Hari Jumaat, 18 Zulhijjah bersamaan 7 Julai, jam 8.37 pagi.

Ketibaan jemaah haji di Balai Ketibaan LTAB dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin; dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Datin.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad



**HADIR menyambut kepulangan jemaah haji penerbangan keempat adalah Menteri Hal Ehwal Ugama dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.**

Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi Ke NBD, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan KHEU serta Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Pakej Haji.

Manakala penerbangan keempat dan terakhir yang membawa seramai 252 jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Perubatan dan Pegawai Syarikat Darussalam Service Sdn. Bhd. selamat tiba di LTAB pada Sabtu, 19 Zulhijjah bersamaan 8 Julai sekitar jam 8.30 pagi.

Ketibaan jemaah haji dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). ■

## 18 ANAK DAMIT LAHIR SEMPENA SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1445 DIRAIKAN

Oleh : Azizah Hidup



TETAMU-tetamu khas menyempurnakan pemberian hadiah untuk anak-anak damit yang lahir pada 1 Muharram 1445H.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 2 Muharram bersamaan 20 Julai** – KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kemajuan Syiar Islam mengungkayahkan Majlis Pemberian Hadiah Kepada Anak-Anak Damit yang Lahir pada 1 Muharram 1445 Hijrah bersempena Sambutan Ilal Hijrah 1445 bertempat di Bilik Kuliah 2, Tingkat 2, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu-tetamu khas di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan Datin; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin; Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof, Penolong Mufti (Buhuth), Jabatan Mufti Kerajaan, selaku Timbalan Pengerusi Badan Penasihat Syariah, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd dan

Datin serta Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan dan Datin menyempurnakan pemberian hadiah untuk anak-anak damit yang lahir pada 1 Muharram 1445 Hijrah berupa wang tunai bernilai BND\$100.00 dan barangan keperluan anak damit serta buku agama.

Manakala Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Datin menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa Akaun Si Manja bernilai BND\$200.00 dan 'Hamper' mengandungi barangan keperluan anak damit bernilai BND\$ 60.00.

Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Maznan bin Haji Yusof, Penolong Mufti (Buhuth) Jabatan Mufti Kerajaan, selaku Timbalan Pengerusi

Badan Penasihat Syariah Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. dan Datin juga menyempurnakan pemberian hadiah berupa baucar bernilai BND\$250.00 bagi penyertaan Takaful Nur Savings dan 'Gym Mat'.

Pada tahun ini seramai 18 orang anak damit telah dilahirkan pada 1 Muharram sempena Sambutan Ilal Hijrah 1445, iaitu anak yang lahir bermula masuk waktu Maghrib 1 Muharram hingga berakhirnya waktu Asar.

Di Daerah Brunei-Muara, seramai 14 orang kelahiran anak damit dicatatkan, iaitu lapan orang anak damit lelaki dan enam orang anak damit perempuan.

Di Daerah Belait pula, empat orang anak damit dilahirkan iaitu dua orang anak damit lelaki dan dua orang anak damit perempuan. Manakala di Daerah Temburong tiada kelahiran dicatatkan.

Kelahiran anak-anak damit pada Sambutan Ilal Hijrah ini diraikan dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam memperingati kedatangan hari yang baik dan bersejarah dalam Islam. Ianya juga untuk menjadikan taqwim hijrah terus dimanfaatkan penggunaannya dari masa ke semasa. ■

## MAJLIS IBADAH KORBAN KHEU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

**BELAIT, Ahad, 13 Zulhijah bersamaan 2 Julai** - KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama (KHEU) mengungkayahkan Majlis Ibadah Korban KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1444H/2023M bertempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Sebanyak empat ekor kerbau dan satu ekor kambing telah dikorbankan pada majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan isteri, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri bersama para jemputan khas beredat ke tempat bergotong-royong untuk memucang-mucang, melapah dan memotong daging ibadah korban bersama dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan, sukarelawan kumpulan belia dan beliawanis masjid serta Belia Sinar Islam dan juga para penduduk kampung di sekitar Kuala Belait.



TETAMU kehormat majlis, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyempurnakan pengagihan daging ibadah korban.

Hadir sama dalam kegiatan memucang-mucang tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri, Datin Norazimah binti Haji Ramlee; Setiausaha Tetap KHEU dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU dan isteri. Turut hadir, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan juga ketua-ketua jabatan, para

pegawai serta kakitangan di bawah KHEU.

Majlis diikuti dengan pengagihan sebahagian daging ibadah korban kepada seramai 85 orang ketua keluarga asnaf fakir miskin dan asnaf muallaf dari Mukim Kuala Belait dan Mukim Kuala Balai, peserta-peserta ibadah korban, ahli muzakarah kementerian, para jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa yang hadir pada majlis berkenaan.

Pengagihan daging ibadah korban tersebut disampaikan oleh tetamu kehormat majlis, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, diikuti oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri; diteruskan oleh Setiausaha Tetap dan kemudiannya Timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

Acara seumpama itu diharap mengeratkan warga KHEU bersilatullah dengan masyarakat di Daerah Belait terutama para asnaf, muallaf, ahli jawatankuasa takmir masjid dan sukarelawan kumpulan belia dan beliawanis masjid. ■



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama turut serta dalam bergotong-royong untuk memucang-mucang, melapah dan memotong daging ibadah korban.

## MAJLIS IBADAH KORBAN SUNAT KALI KE-10

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



PENGARAH PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh selaku tetamu kehormat menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada penerima.

**BERAKAS, Sabtu, 12 Zulhijjah bersamaan 1 Julai** - PUSAT Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Persatuan Nurul Islam (PNI) dan Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Sunat Kali Ke-10 bertempat di PDI, Kampong Pulaie.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban kepada para muallaf, Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; Pemangku Pegawai Ugama Kanan, Awang Ruslan bin Haji Sulaiman; dan Yang Di-Pertua PNI, Awang Haji Hazwan bin Abdullah.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah oleh Pegawai Perkembangan Ugama i-Ready, Awang Mohammad

Naufal Azizi bin Mohammad Norisham.

Pada tahun ini, sebanyak dua ekor kerbau dikorbankan dan daging-daging korban berkenaan diagihkan kepada fakir dan miskin dalam kalangan muallaf Daerah Brunei dan Muara yang terdiri daripada muallaf penerima Projek Fathul Barakah, muallaf PNI dan muallaf Kelas Bimbingan Muallaf.

Majlis berkenaan merupakan acara keagamaan tahunan PDI dalam sama-

sama menyemarakkan syiar Islam di samping memupuk serta menyemai kesedaran terhadap tuntutan agama dan membantu orang-orang yang kurang berkemampuan.

Di samping itu, untuk memeriahkan lagi hari-hari kebesaran Islam, meningkatkan keimanan dan ketakwaan para peserta khasnya dalam perkara berkebajikan sekali gus mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga PDI dan muallaf dalam kerja bergotong-royong seperti melapah daging-daging korban. ■



ANTARA yang turut hadir dalam majlis korban tersebut.

## HALAQAH BIMBINGAN DA'IE KALI KE-65 SEMPENA SAMBUTAN AWAL TAHUN MUHARRAM TAHUN 1445H/2023M

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



ANTARA yang menghadiri Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-65 yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.

**PULAIE, Rabu, 23 Zulhijjah bersamaan 12 Julai** – SERAMAI 150 orang peserta daripada Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta pensyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama; pensyarah dan penolong pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Da'ie-Da'ie daripada Jabatan Kerajaan, swasta dan Da'ie

Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, serta para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah menghadiri Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-65. Acara yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah itu dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah).

Hadir selaku fasilitator jemputan bagi halaqah berkenaan, Yang Mulia Mejar Ariffin bin Amit, Pegawai Turus Tarbiyah Agama Jabatanarah Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,

Kementerian Pertahanan. Turut hadir ialah Yang Mulia Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis halaqah dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah. Diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan seterusnya pembentangan dimulakan. Sejurus selesai pembentangan oleh fasilitator jemputan, sesi perbincangan dan soal jawab dibukakan kepada para peserta dan jemputan.

Objektif dari Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-65 ini adalah menyelaraskan isi kandungan ceramah agar isu/ tajuk yang disampaikan oleh para penceramah konsisten dan sentiasa relevan dengan pengedaran masa dan zaman.

Halaqah Bimbingan Da'ie Kali ke-65 ini diharap akan dapat mencapai objektif dan sasaran yang dihasratkan, iaitu bagi memberi ilmu pengetahuan, berkongsi isu dan bertukar-tukar fikiran berkaitan dengan Sambutan Ilal Tahun Hijrah 1445H tahun ini. ■



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan iaitu Yang Mulia Mejar Ariffin bin Amit.



# Majlis Pengislaman JULAI 2023

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

**Mafhumnya:**  
Wahai orang-orang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam.

Surah Aa-li 'Imraan ayat 102



## STATISTIK PENGISLAMAN


Keramaian Orang yang Memeluk Uagama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023

# Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.  
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Bagi Bulan  
Julai



## | Features |



Sharifah Khadijah  
Hussein Alkaff

### LATE FOR PRAYER

He remembered his grandmother's warning about praying on time: 'My son, you shouldn't leave prayer to this late time.' His grandmother was 70 but, whenever she heard the Adzhan, she got up like an arrow and performed *Salah*. He, however always offered prayers very late, often at the very last minute before the prayer time ended. Looking at the clock he realized that there were only 15 minutes left before *Salat-ul 'Isya*. He quickly made *Wudhu'* and performed *Salat-ul Maghrib*. While making *Tasbih*, he again remembered his grandmother and was embarrassed by how he had prayed. His grandmother prayed with such tranquillity and peace. He began making *Du'a* and went down to make *Sajdah* and stayed like that for a while. He had been at work all day and was tired, so tired.

He awoke abruptly to the sound of noise and shouting. He was sweating profusely. He looked around. It was very crowded.

Every direction he looked was filled with people. Some stood frozen looking around, some were running left and right and some were on their knees with their heads in their hands just waiting. Pure fear and apprehension filled him as he realized where he was. His heart was about to burst. It was the Day of Judgment. When he was alive, he had heard many things about the questioning on the Day of Judgment, but that seemed so very long ago. The waiting and the fear were so great as he saw people being interrogated. He began moving frantically from people to people to ask if his name had been called. No one could answer him. All of a sudden his name was called and the crowd split into two and made a passageway for him. Two angels grabbed his arms and led him forward. His head was bent down and his whole life was passing in front of his eyes like a movie. He pleaded his case, 'I helped others. I spread the word of Allah. I performed my *Salah*. I fasted in the month of Ramadhan. Whatever Allah ordered us to do, I did. Whatever he ordered us not to do, I did not.' He began to cry and think about how much he loved Allah. He knew that whatever he had done in life would be less than what Allah deserved and his only protector was Allah. He was sweating like never before and was shaking all over. His eyes were fixed on the scale, waiting for the final decision. At last, the decision was made. The two angels with sheets of paper in their hands, turned to the crowd. His legs felt like they were going to collapse.

He closed his eyes as they began to read the names of those who were to enter *Jahannam*. His name was read first. He fell on his knees and yelled that this couldn't be, 'How could I go to *Jahannam*? I served others all my life, I spread the word of Allah to others.' The two angels took him by the arms. As his feet dragged, they went through the crowd and advanced toward the blazing flames of *Jahannam*. He was yelling for help. He recounted all the good deeds he had done, his fasts, his reading of the Qur'an, his charity, he was asking if none of them would help him. The angels continued to drag him. They had gotten closer to the Hellfire. He recalled that Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* had said that *Salah* performed five times a day cleanses a person of his sins and he began to yell. 'My prayers? My *salah*? My prayers?' The two angels did not stop, and they came to the edge of the abyss of *Jahannam*. The flames of the fire were burning his face. He looked back one last time, but his eyes were dry of hope and he had nothing left in him.

One of the angels pushed him in. He found himself falling towards the flames. He had just fallen five or six feet when a hand grabbed him and pulled him back. He lifted his head and saw an old man with a long white beard. He wiped some dust off himself and asked him, 'Who are you?' The old man replied, 'I am your prayers.'

'Why are you so late?' he asked. 'I was almost in the Fire! Why did you only rescue me at the very last minute?' The old man smiled and said, 'You always performed me at the very last minute, remember?'

At that instant, he blinked and lifted his head from *Sajdah*. He was in a sweat. He listened to the voices coming from outside. He heard the *Adzan* for *Salat-ul Isya*. He got up quickly, took *wudhu'* and performed the *Isya'* prayer - right on time this time!



# Awal Mubarram

Sambutan Ilal Hijrah

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, bermula pada tahun 1445 Hijrah ini nama **Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah** digantikan dengan 'Sambutan Ilal Hijrah'.

Ilal Hijrah membawa maksud 'ke arah penghijrahan,' iaitu bergerak mengubah atau memperbaiki kehidupan yang kurang baik kepada yang lebih baik.

**Istilah** hijrah merujuk kepada perjalanan yang diambil oleh umat Islam dan Muhammad pada tahun 622 Masihi dari Makkah ke Madinah.

**Tujuan** penghijrahan ini adalah untuk meneruskan perjuangan menyebarkan dan mengukuhkan agama Islam serta mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang sempurna dan bersatu padu.

**Rasulullah** Shallallahu 'alaihi wa sallam berhijrah bersama Abu Bakar as-Shiddiq pada bulan Rabiulawal dan mengambil masa selama lapan hari dan sejauh 320km.

**Bulan** Muharram dipilih sebagai permulaan tahun baru Islam oleh Khalifah 'Umar bin al-Khaththab. Tarikh Hijrah juga menandakan permulaan tahun kalendar atau taqvim dan tarikh baru bagi umat Islam.



## أَسْمَاءُ الْأَبْنَاءِ NAMA ANAK LAKI-LAKI

**Taufiqullah Asyraf**

توفيق الله أشرف

Petunjuk Allah,  
Yang Mulia

**Taqiuddin rizqullah**

تقي الدين رزق الله

Taqwa kepada Allah,  
Rezeki dari Allah

**'Imaduddin Muqri**

عماد الدين مقري

Tiang agama  
keteguhanku

## NAMA-NAMA ISLAMI untuk anak damit



Hadits diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab shahihnya, daripada Anas bin Malik *Radhiallahu 'anhu* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda yang bermaksud:

“Berilah nama dengan namaku tetapi jangan memberi gelaran dengan gelaranku.”



## أَسْمَاءُ الْبَنَاتِ NAMA ANAK BINI-BINI

**Hayatul Husna**

حياة الحسنى

Kehidupan yang baik

**Nur Naqibah**

نور نقيبة

Cahaya seorang pemimpin

**Tsaqifah**

ثقيفة

Yang cerdas



### PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN  
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN  
WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN  
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PUERTUAN NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM

### DI MAJLIS

MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN  
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR  
KEBANGSAAN BAGI  
TAHUN 1444H / 2023M



## 'RAHSIA TERTINGGI' KETUHANAN DALAM HIKMAH

“...hukum makanan adalah wajib halal. Oleh itu Beta sentiasa mengingatkan kepada semua pihak yang diamanahkan untuk memastikan kehalalan makanan supaya bertugas dengan betul, dengan berpandu dan berpegang kuat kepada hukum syarak, bukannya bertolak ansur melonggar-longgarkan hukum.

Orang-orang Islam wajib mematuhi suruhan Allah untuk hanya makan makanan yang halal sahaja, sebagaimana suruhan ini terakam dalam ayat 168 Surah al-Baqarah, tafsirnya: “Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi (makanan) yang halal lagi baik.”

دَوْلَتُكِبَاوَدُولِي تَوَان قَاتِق  
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

اللَّهُمَّ أَدِمَّهُ مُتَمَنِّعًا بِطَوْلِ الْبَقَاءِ ، مُتَوَجِّبًا بِيَجَانِ الصِّحَّةِ وَالْهَنَاءِ  
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُ مُصْلِحًا لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُ لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ

Warga Pusat Da'wah Islamiah  
Menyembahkan Sembah Tahniah  
Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan  
Ke-77 Tahun

Kehadapan Majlis  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiaah  
Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan  
Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

## PENGUKUHAN MAQASHID SYARI'AH PENTING DALAM URUSAN KEHIDUPAN DAN BERNEGARA

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



**BERMULA** pada tahun 1445 Hijrah ini, baginda bertitah, nama Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah digantikan dengan 'Sambutan Ilal Hijrah'.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 29 Zulhijjah bersamaan 18 Julai** - TEMA sambutan pada kali ini, 'Ugama Dipelihara, Negara Sejahtera.' Konsep tema ini diambil dari salah satu Maqashid Syari'ah, iaitu memelihara ugama dan ugama yang dimaksudkan tidak lain ialah ugama Islam.

Fungsi ugama ialah untuk mengatur kehidupan manusia. Ia menjadi punca kepada wujudnya kebajikan bagi penganutnya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1445.

Baginda bertitah, di sinilah pentingnya Maqashid Syari'ah itu bagi memastikan urusan kehidupan berjalan dengan sempurna, sama ada urusan peribadi mahupun urusan pentadbiran negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengambil maklum Kementerian Hal

Ehwal Ugama (KHEU) telah merintis langkah menyebarkan kefahaman mengenai Maqashid Syari'ah, bukan sahaja di sektor kerajaan, malahan juga di sektor-sektor swasta.

Pihak berkenaan, titah baginda, juga disarankan untuk membarigakan perkara ini ke seluruh lapisan masyarakat di negara ini, bukan sahaja di kawasan bandar, bahkan juga di kampung-kampung.

"Beta yakin, kesan dari memelihara ugama, rakyat di negara ini akan terus menerus menikmati kemakmuran, di mana Kerajaan beta sentiasa berusaha untuk memastikan, tiada seorang rakyat pun yang akan dibiarkan melarat tanpa dibela," titah baginda.

Baginda turut memperkenankan penaiktarafan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam menjadi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU.

Dengan tertubuhnya jabatan ini, hal ehwal pengurusan zakat dari sudut pengagihan dan keberkesanan,

termasuk pelaksanaan program-program lain, dijangka akan lebih efektif dan efisien.

"Begitu juga dalam perkara pengurusan wakaf dan harta-harta Baitulmal akan menumpukan usaha ke arah mempelbagaikan pengurusan dan penggunaan wakaf, di samping mengurus dan mengembangkan harta-harta Baitulmal," titah baginda.

Baginda juga menyeru seluruh rakyat dan masyarakat di negara ini untuk sama-sama berganding bahu melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi memelihara kesejahteraan yang kita nikmati tanpa mengira kedudukan, latar belakang dan sebagainya.

Ini kerana, titah baginda, walaupun secara zahir keadaan kita berlainan, namun matlamat adalah sama sahaja untuk mempertahankan kesejahteraan negara yang kita cintai ini dengan berpandukan al-Qur'an dan al-Hadits.

Terdahulu, baginda merafakkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita memasuki gerbang Tahun Baharu Hijrah 1445.

Bermula pada tahun 1445 Hijrah ini, baginda bertitah, nama Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah, kita gantikan dengan 'Sambutan Ilal Hijrah'.

Baginda juga menyambut baik perubahan ini, untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat mahupun negara. ■